



Bil 7 Julai 2008

Edisi Ketujuh
2008

Majlis Pelancaran Pelita Online Harian dan Penerbitan Pelita Brunei Dua Kali Seminggu



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya ketika berucap sejeurus sebelum Majlis Pelancaran Pelita Online Harian dan Penerbitan Pelita Brunei Dua Kali Seminggu.



Antara para pembesar negara, Menteri dan Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, ketua jabatan dan pegawai kerajaan yang berangkat dan hadir di majlis pelancaran itu.

Majlis Pelancaran Pelita Online Harian dan Penerbitan Pelita Brunei Dua Kali Seminggu telah diadakan pada 19 Julai bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan.

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya.

Yang Berhormat, dalam ucapannya melahirkan rasa bangga di atas kejayaan Jabatan Penerangan mencipta satu lagi sejarah melalui perlaksanaan dua inisiatif penting dalam mendukung pelan strategik Jabatan Perdana Menteri, khususnya untuk meningkatkan imej kerajaan yang berkesan dan pemedulian.

Menurut Yang Berhormat, Pelita Online Harian dapat membantu para pelayar internet memperoleh maklumat dengan lebih cepat, terkini dan pada bila-bila masa, di samping iklan-iklan tender dan jawatan kosong adalah sangat berguna kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Manakala Penerbitan Pelita Brunei Dua Kali Seminggu pula adalah bertepatan terutamanya kepada mereka yang tidak ada akses ke internet kerana pada masa ini jangkauan internet belum lagi sampai kepada semua peringkat masyarakat di negara ini.

Yang Berhormat juga berharap kedua-dua perkhidmatan Pelita Brunei ini boleh dan perlu dipertingkatkan penggunaannya oleh semua agensi kerajaan sebagai jambatan maklumat dan penerangan kepada orang ramai.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dalam ucapannya menjelaskan, majlis pada hari itu merupakan produk e-pelita, projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dengan peruntukan BND 989,910.00 menggunakan perisian (software) Tera. Proses penerbitan Pelita Brunei yang mengandungi disiplin penulisan, penyuntingan, penggambaran, reka letak dan sebagainya adalah 100% menggunakan e-pelita. Pelancaran projek ini juga bagi menyahut cabaran era globalisasi yang semakin menerjah

di mana maklumat kini berada di hujung jari.

Pelita Online Harian mula beroperasi pada 7 Julai dan boleh dilayari di www.pelitabrunei.gov.bn setiap hari bermula jam 8.00 pagi, sementara Pelita Brunei Dua Kali Seminggu mula diterbitkan pada 9 Julai dikenali sebagai Edisi Rabu dan Edisi Sabtu.

Juga berangkat di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Yusof; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair, Timbalan Menteri Kesihatan; para Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, ketua-ketua jabatan, bekas Pengarah-pengarah Penerangan dan Timbalan-timbalannya, jemputan-jemputan khas, para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Sidang Redaksi

Penasihat

Haji Mahrub bin Haji Murni
Haji Yussof bin Haji Ladi

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aida Hidup
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Asnah Diwa
Nor Ajjah Mohammad
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Sekapur Sirih

BULAN ini merupakan bulan yang mana kesibukan kerja bagi pegawai dan kakitangan jabatan begitu ketara sekali. Berbagai kegiatan perlu dibuat liputan dan penggambaran, di samping kegiatan bagi warga Penerangan sendiri.

Ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disambut pada bulan ini. Sempena sambutan ini berbagai kegiatan telah dirancang. Jabatan Penerangan berperanan untuk memberigakan sambutan melalui liputan akhbar Pelita Brunei, laman web, penerbitan poster, PENTARAMA dan lain-lain. Adanya komitmen semua pegawai dan kakitangan, penyebaran seluas-luasnya sambutan ini telah dapat berjalan dengan licin dan teratur. Terima kasih untuk semua warga.

Bulan ini juga merupakan bulan bersejarah bagi Jabatan Penerangan. Bulan ini menyaksikan satu lagi perkembangan akhbar Pelita Brunei yang kalau dulunya diterbitkan seminggu sekali, tapi kini boleh dibaca setiap hari secara online Pelita Brunei juga kini diterbitkan dua kali dalam seminggu iaitu setiap hari Rabu dan Sabtu. Adanya perkembangan ini, maklumat terkini mengenai Negara Brunei Darussalam akan dapat diikuti dengan lebih mudah dan cepat oleh orang ramai dalam dan luar negeri. Ini adalah selaras dengan visi jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. Selain itu jabatan juga bekerjasama dengan pihak swasta dalam sama-sama mengedarkan akhbar Pelita Brunei.

Bukan itu saja, jabatan telah memberikan kerjasama kepada akhbar The Brunei Times dalam menganjurkan Peraduan Fotografi sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Adanya kerjasama seperti ini telah dapat meningkatkan jaringan kerja dan hubungan baik dengan akhbar swasta berkenaan.

Dalam kesibukan ini, Jabatan Penerangan terus menerima kunjungan orang ramai yang ingin mengetahui lebih mendalam mengenai tugas-tugas yang dilaksanakan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh jabatan. Bulan ini jabatan mengalu-alukan lawatan wartawan Mediacorp TV12 dan RTB, Kelab Rakis UBD dan juga tenaga pengajar Sekolah Rendah SUAS. Setentunya lawatan seperti ini akan terus dapat mengeratkan lagi hubungan Jabatan Penerangan dengan orang ramai dan memberi gambaran yang positif terhadap Jabatan Penerangan.

Di kesempatan ini juga saya ingin mengalu-alukan kedatangan pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan. Apa yang diharapkan Taklimat Induksi yang telah diadakan akan dapat memberikan kefahaman yang lebih dalam lagi mengenai jabatan tempat bekerja, di samping dapat secara langsung mengeratkan lagi hubungan antara pegawai baru dan lama. Selamat Bertugas dan semoga akan dapat membiasakan diri dengan suasana kerja di Jabatan Penerangan yang sememangnya sangat dinamik.

Sekian. Wassalam.

HAJI MAHRUB BIN Haji MURNI
Pengarah Penerangan

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382 012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Isi Kandungan

- Penyerahan Poster Hari Keputeraan
- Taklimat Media sempena Hari keputeraan
- Sidang Media Majlis Ilmu **3**
- Lawatan Kelab Rakis
- Lawatan tenaga pengajar Sekolah Rendah SUAS
- Jabatan Penerangan bantu KPSSU kendalikan pihak media **4**
- Taklimat Induksi
- PENTARAMA Hari Keputeraan **5**
- Photographic Competition 2008
- Perjumpaan bersama pengedar Pelita Brunei **6**
- Mesyuarat ASEAN-COCI di Myanmar
- Mediacorp TV12 dan RTB lawat Jabatan Penerangan
- Selamat Hari Lahir
- Bertugas di luar negara
- Kakitangan baru berkhidmat **7**
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008-2009
- MRO bertugas **8**

Majlis Penyerahan Poster Sempena Hari Keputeraan



Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi menyerahkan poster kepada Pegawai Perhubungan Awam sebuah jabatan kerajaan beruniform.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-62 telah diadakan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan pada 3 Julai.

Sebanyak 6,400 keping poster telah diterbitkan oleh jabatan dengan hasrat untuk sama-sama memberigakan acara-acara keraian sempena Hari Keputeraan pada tahun ini.

Tujuh jenis poster yang diterbitkan ialah satu poster Pengibar Bendera Kebangsaan dan Bendera Peribadi sebanyak 1,200 keping, satu poster khusus Hari Keputeraan sejumlah 1,200 keping, empat poster Bersama Rakyat di keempat-empat daerah sebanyak 3,300 keping dan satu poster Perarakan Kenderaan

Berhias, Perlawanan Akhir Tarik Kalat SeBorneo dan Persembahan Bunga Api sebanyak 700 keping.

Majlis Penyerahan Poster telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi kepada wakil-wakil kementerian dan jabatan kerajaan yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Perhubungan Awam dan Ketua Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Tutong, Belait dan Temburong dengan hasrat akan dapat disebarluaskan ke peringkat akar umbi.

Poster-poster Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Poster sambutan empat daerah) terbitan Jabatan Penerangan juga turut diserahkan sewaktu majlis pelancaran dan pemberiagaan SUTERA 2008 pada 1 Julai di The Rizqun International Hotel.

Hadir di majlis tersebut, Timbalan Pengarah Penerangan dan para pegawai Jabatan Penerangan.

Majlis Penyerahan Poster sempena ulang tahun Hari Keputeraan

Taklimat Media sempena Sambutan Hari Keputeraan

Sesi taklimat media bagi para media yang akan membuat liputan sepanjang perayaan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-62 tahun telah diadakan di Jabatan Penerangan pada 12 Julai.

Para media yang terdiri dari media dari agensi kerajaan, swasta dan persatuan-persatuan fotografi antara lain telah diberikan taklimat mengenai pergerakan media, tatatertib dan protokol serta keselamatan sewaktu acara perayaan berkenaan.

Antara yang menyampaikan taklimat ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Shamsuddin dari Jabatan Adat Istiadat Negara dan pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei.



Pemangku Pengarah Penerangan ketika berucap di Majlis Pengagihan Pas Media sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-62.

Sidang Media Majlis Ilmu 2008



Pemangku Pengarah Penerangan ketika mempengerusikan Sidang Media sempena Majlis Ilmu.

Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Majlis Ilmu 2008 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-62 tahun bermula 24 Julai hingga 6 Ogos di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Tahun ini merupakan kali kelima Majlis Ilmu diadakan. Tema bagi Majlis Ilmu tahun ini ialah 'Menghayati Negara Zikir'.

Perkara tersebut telah dinyatakan di Sidang Media Majlis Ilmu bertempat di Jabatan Mufti Kerajaan pada 12 Julai. Sidang Media tersebut telah dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni selaku Pengerusi Jawatankuasa Publisiti.

Hadir memberi penerangan mengenai Majlis Ilmu tersebut ialah Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Haji Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Awang Abu Hanifah selaku Setiausaha Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2008.

Sidang Media tersebut telah dihadiri oleh media kerajaan dan swasta.

Kelab Rakis UBD buat lawatan sambil belajar



Pemangku Pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan bergambar kenangan bersama ahli-ahli Kelab Rakis UBD yang membuat lawatan sambil belajar.

Seramai 32 orang mahasiswa dan mahasiswi yang merupakan ahli Kelab Rakis Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan pada 5 Julai.

Rombongan pelawat tersebut diketuai oleh Pensyarah UBD, Dayang Ena Herni binti Wasli.

Selain untuk mengisi masa lapang selepas menduduki peperiksaan hujung semester, objektif lawatan juga bertujuan meninjau bahagian, struktur dan fungsi Jabatan Penerangan yang berkaitan dalam bidang kesusasteraan bagi memperkaya pengetahuan dan pengalaman.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dalam ucapannya semasa mengalu-alukan para pelawat itu menyaran supaya para mahasiswa-mahasiswi akan dapat mencorakkansuasana dan perkembangan dalam apa jua bidang yang diceburi, di samping akan dapat menampilkan lebih banyak pakar yang berbakat, berpotensi untuk keperluan dan masa depan negara sesuai dengan suasana dan keadaan zaman yang semakin berkembang.

Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi turut memberi penjelasan mengenai

permohonan jawatan dalam jabatan ini dan menasihatkan para pemohon untuk mengikuti prosedur yang tertentu.

Seterusnya rombongan diberikan taklimat mengenai PENTARAMA oleh Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman, Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Acara lawatan diteruskan lagi dengan taklimat mengenai Pelita Brunei oleh Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Pelita Brunei. Rombongan pelawat juga berpeluang beramah mesra dan mengadakan sesi soal jawab bersama Pengarah, Timbalan Pengarah dan pegawai-pegawai kanan jabatan, selain dibawa meninjau ke Bilik Pelita Online, Bahagian Berita Inggeris dan Media IT dan Bahagian Fotografi dan Audio Visual.

Pemangku Pengarah Penerangan juga berkesudian menyampaikan cenderahati kepada ketua rombongan pelawat tersebut.

Kelab Rakis merupakan kelab sastera yang bernaung di bawah Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD yang aktiviti yang lebih menjurus kepada kesenian dan kesusasteraan.

Lawatan Sambil Belajar Tenaga Pengajar Sekolah Rendah SUAS



Para Pegawai Penerangan bergambar ramai bersama guru-guru Sekolah Rendah SUAS, Muara.

Seramai 26 orang guru Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS), Muara, Kawasan Brunei II telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan pada 9 Julai.

Rombongan pelawat tersebut diketuai oleh Penolong Guru Besar, Dayang Hajah Noraini binti Haji Timbang dan berkesempatan mendengar taklimat mengenai Struktur dan Fungsi Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Ketua Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Melalui taklimat mengenai ASEAN yang disampaikan oleh Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, para pelawat diberi informasi mengenai penglibatan jabatan khususnya dalam Unit

ASEAN-COCI iaitu sebagai Sekretariat Sub-Committee On Information, ASEAN-COCI Brunei Darussalam, mengendalikan persidangan dan program AMRI (ASEAN Ministers Responsible For Information), di samping sebagai *contact-point* bagi ASEAN-COCI Information Desk.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh jabatan melalui Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa ialah Kuiz ASEAN, Program Pertukaran Wartawan ASEAN, Siri Seminar Penerangan ASEAN dan Program Pertukaran Wartawan dan Pemimpin Kampus.

Selesai sesi ramah mesra dan soal jawab, para pelawat dibawa melawat ke Bahagian Berita Inggeris dan Media IT dan Bahagian Fotografi dan Audio Visual.

Jabatan Penerangan bantu KPSSU kendalikan pihak media



Sesi perjumpaan antara para pegawai Jabatan Penerangan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi membincangkan Ekspo Produk Halal Antarabangsa 2008.

Tahun ini buat kali ketiga, Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Ekspo Produk Halal Antarabangsa (International Halal Product Expo, IHPE) bermula 14 - 17 Ogos.

Satu perjumpaan antara Jabatan Penerangan dan pihak penganjur ekspo iaitu Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan Syarikat Sunlit (selaku event management) telah pun diadakan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pihak media.

Antara perkara yang disentuh semasa perbincangan tersebut ialah mengenai keperluan untuk membuka pusat media, menjemput perwakilan media dari luar negara untuk membuat liputan di ekspo berkenaan dan kawalan media.

Hasil perjumpaan tersebut, Jabatan Penerangan antara lain bersetuju untuk memberikan kerjasama yang diperlukan. Perjumpaan lanjut akan diadakan kemudian di KPSSU untuk membincangkan kerjasama tersebut dengan lebih terperinci.

Taklimat Induksi

Bahagian Pengurusan dan Perkembangan Kapasiti (BPPK) yang mula ditubuhkan oleh Jabatan Penerangan pada 7 April tahun ini, telah mengadakan Taklimat Induksi pada 10 Julai bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar.

Taklimat Induksi tersebut dihadiri oleh tujuh orang kakitangan yang baru berkhidmat terdiri daripada Dayang Siti Zuhairah binti Awang Sulaiman (Pemberita), Dayangku Siti Redzaimi binti Pengiran Haji Ahmad (Pemberita), Dayang Faridah binti Haji Kaderi (Pembantu Pegawai Luar), Dayangku Nur-Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani (Pembantu Pegawai Luar), Dayang Siti Haniza binti Azari (Pembantu Pegawai Luar), Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain (Pembantu Pegawai Luar) dan Awang Mohd. Suzawadeen bin Mohd. Zaidi (Pelukis).

Taklimat yang julung-julung kali diunkayahkan oleh BPPK telah disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh berkisar mengenai Sejarah Awal Penubuhan Jabatan Penerangan, Peranan dan Fungsi Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan Jabatan Penerangan dalam mencapai misi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

Pegawai Penerangan Kanan, Awang Ismail bin Mohammad dalam ucapan



Pegawai Penerangan Kanan, Awang Ismail bin Mohammad dan Pegawai Luar Penerangan, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh bergambar kenangan bersama tujuh orang peserta yang mengikuti Taklimat Induksi.

alu-aluannya terdahulu sebelum itu, menekankan kepada para peserta pentingnya amalan kerja berpasukan, multi-skilling, hormat-menghormati, bertegur sapa dan perpaduan yang menjadi pemangkin kepada keseronokan bekerja.

Sesi soal jawab juga diadakan sebelum mengakhiri taklimat tersebut.

BPPK berhasrat untuk meneruskan

Taklimat Induksi dari masa ke semasa yang akan melibatkan para pegawai dan kakitangan yang belum berkesempatan mengikutinya terutama kepada yang baru menjadi warga jabatan.

Berita Sumbangan:
Pengiran Emran bin Pengiran Haji Salleh
Bahagian Pengurusan & Perkembangan
Kapasiti.

Persembahan PENTARAMA Sempena Perayaan Hari Keputeraan



Persembahan PENTARAMA di Daerah Brunei-Muara diselenggarakan dengan memotong kek sempena ulang tahun PENTARAMA ke-20 oleh Pemangku Pengarah Penerangan.

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menganjurkan Persembahan PENTARAMA sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-62 bagi tahun 2008 di keempat-empat daerah di negara ini.

Di Daerah Temburong, Persembahan PENTARAMA telah diadakan pada 19 Julai bertempat di Pentas Taman Perayaan, Pekan Bangar. Tetamu kehormat pada malam itu ialah Awang Matusin bin O.K.S. Haji Tuba, Pemangku Pegawai Daerah Temburong. Juga hadir menyaksikan persembahan tersebut ialah Pengarah Penerangan, para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta orang ramai di daerah itu.

Bertempat di Pentas Malam Percikan

Sinar, Persembahan PENTARAMA telah diadakan di Daerah Belait pada 21 Julai dan tetamu kehormat pada malam itu ialah Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Daerah Belait.

Bagi Daerah Brunei-Muara pula, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni telah menjadi tetamu kehormat bagi Persembahan PENTARAMA pada malam 23 Julai bertempat di Pentas Perayaan berhadapan Bangunan Alat Kebesaran Diraja.

Pada malam 25 Julai, Persembahan PENTARAMA bagi Daerah Tutong telah diadakan bertempat di Pentas Persembahan berdekatan Kompleks



Pemangku Pengarah dan Timbalan Pengarah Penerangan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong selaku tetamu kehormat, pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang ramai ketika menyaksikan Persembahan PENTARAMA di Pentas Persembahan berdekatan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

Dewan Kemasyarakatan. Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohd. Sufian bin Haji Bungsu telah hadir menyaksikan persembahan itu selaku tetamu kehormat.

Persembahan PENTARAMA di Daerah Tutong juga disertai oleh artis-artis Penerangan Malaysia.

PENTARAMA merupakan wadah kegiatan Jabatan Penerangan melalui persembahan drama, tarian, nyanyian, lawak jenaka dan pengacara secara terpimpin untuk merealisasikan misi Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

The Brunei Times dan Jabatan Penerangan bekerjasama anjurkan 'Photographic Competition 2008'

Buat julung-julung kalinya The Brunei Times Sendirian Berhad dengan kerjasama Jabatan Penerangan telah mengadakan 'Photographic Competition 2008' yang dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-62 tahun.

Peraduan yang dibukakan untuk penyertaan orang ramai dalam dan luar negara ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Antara yang turut menyertai ialah kira-kira 30 orang jurugambar luar negara dari Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Vietnam, Bangladesh, Republik Rakyat Cina dan Kuwait.

Dengan kehadiran para jurugambar luar negara ini, Jabatan Penerangan bekerjasama membantu The Brunei Times untuk mengendalikan dan membuka sebuah pusat media mini di Empire Hotel & Country Club Jerudong. Selain kerjasama pusat media, pihak jabatan juga membantu dari segi pegawai pengiring (liaison officers) dan pegawai perhubungan media.

Bagi memastikan para jurugambar mengetahui mengenai pergerakan media, tatatertib dan protokol serta keselamatan sewaktu acara perayaan yang akan mereka hadiri, taklimat media telah diadakan pada 14 Julai bertempat di Empire Hotel & Country Club Jerudong.

Taklimat telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Shamsuddin dari Jabatan Adat Istiadat Negara dan beberapa orang pegawai kanan dari Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sepanjang berada di Negara Brunei Darussalam dari 13 hingga 17 Julai, para jurugambar tersebut telah

berkesempatan mengambil gambar di beberapa acara perayaan sambutan Hari Keputeraan seperti Acara Perbarisan Hari Keputeraan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di Bandar Seri Begawan; Majlis Istiadat Penganugerahan Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman; Majlis Santap Negara dan Majlis Santap bagi Pasukan Beruniform di Istana Nurul Iman dan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di Daerah Tutong.

Selain itu para jurugambar juga dibawa untuk melawat ke Bangunan Alat Kebesaran Diraja; Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Tamu Kianggeh; Pasar Malam Gadong; Kampong Senukoh; Labu di Daerah Temburong dan Kampong Setia 'B' bagi mendapatkan gambar-gambar untuk



Para jurugambar ketika di Kampong Senukoh.

peraduan tersebut.

Para jurugambar yang beragama Islam juga berkesempatan turut serta menunaikan sembahyang berjemaah dan doa kesyukuran sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



Penyampaian poster promosi 'Photographic Competition' kepada Pegawai Perhubungan Awam.

Darussalam ke-62 tahun di Masjid Jame 'Asr Hassani Bolkiah, Kampong Kiarong.

Manakala, satu majlis makan malam juga telah diadakan di Pool Side, Jerudong Park Polo Club pada 16 Julai untuk meraikan para jurugambar luar negara tersebut.

Terdahulu sebelum itu, majlis menandatangani tajaan bagi peraduan ini telah diadakan pada 11 Julai bertempat di Rizqun International Hotel di Gadong. Hadir menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah Pengarah Penerangan.



Pemangku Pengarah dan Timbalan Pengarah bersama para jurugambar disajikan hidangan istimewa di Kampong

Perjumpaan bersama syarikat swasta yang terpilih bagi pengedaran Pelita Brunei



Antara pengurus syarikat stesen minyak dan pemakanan Daerah Brunei-Muara yang hadir di majlis tersebut.

Jabatan Penerangan melalui Unit Pengedaran telah melantik syarikat-syarikat stesen minyak dan pemakanan yang terpilih di Daerah Brunei-Muara untuk mengedarkan Pelita Brunei (PB), sesuai dengan peranan PB untuk menyalurkan



Pengarah Penerangan ketika menyampaikan taklimat kepada para pengurus syarikat swasta bagi pengedaran Pelita Brunei.

maklumat kepada orang ramai di negara ini.

Majlis Perjumpaan bersama pengurus syarikat-syarikat tersebut telah diadakan di Dewan Pengiran Setia Negara pada 31 Julai.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dalam taklimatnya di majlis itu berkata, PB telah mula diterbitkan dua kali seminggu mulai 9 Julai tahun ini iaitu Edisi Rabu dan Sabtu, dengan perbezaan warna kuning pada dateline muka hadapan bagi Edisi Rabu dan warna hijau bagi Edisi Sabtu.

Menurutnya lagi, jabatan akan menghantar dan membekalkan sebanyak 100 - 200 naskah PB kepada setiap syarikat swasta yang terpilih, tertakluk kepada perkembangan dan sambutan orang ramai di setiap lokasi.

Majlis pada hari itu diselenggarakan dengan menandatangani surat perjanjian penjagaan peti simpanan PB dan penyampaian sijil lantikan pengedaran PB antara Pengarah Penerangan dan pengurus-pengurus syarikat yang dilantik.

Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-43 di Myanmar

Seramai 11 orang delegasi negara ini sberlepas ke Nay Pyi Taw, Myanmar telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-COCI) Ke-43 pada 1 hingga 3 Julai. Delegasi diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan ASEAN-COCI Brunei Darussalam, Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr disertai sama Pengerusi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebudayaan ASEAN-COCI, Dayang Hajah Norsham binti Haji Yahya serta Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya dan Awang Adanan bin Haji Ibrahim dari jabatan ini, pegawai dari Jabatan Radio Televisyen Brunei, Jabatan Muzium-muzium Brunei dan Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Mesyuarat yang diadakan selama

tiga hari antaranya membincangkan mengenai projek dan aktiviti di bidang penerangan dan kebudayaan yang dijalankan, cadangan projek baru di bidang penerangan dan kebudayaan dan peruntukan kewangan bagi 2008/2009.

Selain itu dalam mesyuarat tersebut telah meneliti

laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kebudayaan ASEAN-COCI Ke-9 yang diadakan di Bandar Seri Begawan pada November 2007, meneliti laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI yang diadakan



Rombongan Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-43 di Myanmar.

pada Disember 2007 serta meneliti hubungan ASEAN dengan rakan dialog termasuk Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, Korea, New Zealand, Russia, Amerika Syarikat dan ASEAN+3.

Wartawan Mediacorp TV12 dan RTB lawat Jabatan Penerangan



Antara pegawai dan wartawan Mediacorp TV12 yang mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan.

Serombongan pegawai-pegawai Mediacorp TV12, Republik Singapura dan Radio Televisyen Brunei (RTB) telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan pada 3 Julai.

Para pelawat tersebut adalah dalam

rangka lawatan kerja ke Jabatan Radio dan Televisyen Brunei bagi rakaman Berbalas Pantun dan Rancangan Hari Raya.

Rombongan Mediacorp TV12 dari Republik Singapura seramai tujuh orang diketuai oleh Puan Zakiah Halim dan dialu-alukan dengan pemberian bunga telur sebagai cenderamata kenangan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi.

Antara atur cara lawatan ialah mendengar taklimat mengenai Struktur dan Fungsi Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Awang Ismail bin Mohammad, Pegawai Penerangan Kanan. Rombongan juga berpeluang mendengar taklimat ringkas mengenai Pantun Brunei dan menyaksikan persembahan mukun dan berbalas pantun.

Bertugas di luar negara



Ak. Jefferi bin Pg. Durahman, Penolong Penyunting Tingkat III dan Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman, Jurugambar Tingkat I telah ditugaskan untuk membuat liputan bagi Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-41 dan Forum Serantau ASEAN Ke-15 di Republik Singapura pada 17 hingga 25 Julai.

Selamat Hari Lahir

Awang Razali bin Mahari	5 Julai
Awang Azhar bin Ramli	5 Julai
Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir	9 Julai
Awang Haji Murni bin Haji Metali	12 Julai
Awang Dollah bin Kamis	12 Julai
Dayang Painah binti Paiman	14 Julai
Dayang Faezah Hayati binti Haji Abdul Rahman	15 Julai
Awang Haji Abdul Mumin bin Haji Madin	19 Julai
Awang Yunos bin Haji Jumat	22 Julai
Awang Yahya bin Haji Jumat	27 Julai
Awang Kassim bin Haji Abdul Rahman	31 Julai

Kakitangan baru berkhidmat



Faridah binti Haji Kaderi @ Bujang
Pembantu Pegawai Luar
Tarikh melapor: 5 Jun 2008



Siti Haniza binti Azari
Pembantu Pegawai Luar
Tarikh melapor: 30 Jun 2008



Amp. Roza Amalyati binti Amp. Hussain
Pembantu Pegawai Luar
Tarikh melapor: 1 Julai 2008



Md. Suzawadeen bin Md. Zaidi
Pelukis
Tarikh melapor: 1 Julai 2008

Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009



Gambar 'Horrey' oleh Awang Samle bin Haji Jait memenangi peraduan bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan.



'Wajah Kegembiraan' oleh Ak. Amirul Nizam bin Pg. Haji Mohd. Ali yang memenangi Kategori Jurugambar.

Dengan tema 'Riang', Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 – 2009 anjuran Bahagian Fotografi dan Audio Visual diteruskan lagi bagi bulan Jun.

Ak. Amirul Nizam bin Pg. Haji Mohd. Ali telah memenangi peraduan yang dibukakan penyertaannya pada 15 Jun hingga 15 Julai melalui gambar 'Wajah Kegembiraan' bagi Kategori Jurugambar.

Manakala bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan, gambar 'Horrey' oleh Awang Samle bin Haji Jait mendapat tempat pertama.

Peraduan diteruskan lagi bagi bulan Julai (15 Julai – 15 Ogos) dengan tema 'Suasana Perayaan' (62nd Sultan Birthday Celebration).

MRO bertugas di bulan Julai

Tarikh	Acara
01 Julai	Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-62
03 - 04 Julai	Lawatan Tuan Yang Terutama Samak Sundaravej, Perdana Menteri Thailand
07 - 09 Julai	Lawatan Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Patinggi Abang Haji Muhammad Sallahuddin
12 Julai	Taklimat media dan penyerahan pas media (media tempatan) sempena sambutan Hari Keputeraan
14 Julai	Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Membaca Surah Yassin dan Doa Kesyukuran sempena sambutan Hari Keputeraan Taklimat media dan penyerahan pas media (media luar negara) sempena sambutan Hari Keputeraan
15 Julai	Upacara Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-62 tahun
17 Julai	Majlis Bersama Rakyat Daerah Tutong Majlis Persantapan bagi para pegawai keselamatan dan para pegawai beruniform serta pertubuhan-pertubuhan awam yang beruniform
19 Julai	Majlis Bersama Rakyat di Kuala Belait
20 Julai	Majlis Bersama Rakyat di Daerah Brunei & Muara
24 Julai	Majlis Bersama Rakyat di Daerah Temburong
24 - 26 Julai	Lawatan Rasmi Perdana Menteri Kuwait, His Royal Highness Sheikh Nasser Al-Mohammad Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah
26 Julai	Majlis Perarakan Kenderaan Berhias, Persembahan Bunga Api dan Perlawanan Akhir Tarik Kalat SeBorneo 2008
27 Julai	Ceramah Khas Negara Zikir Majlis Ilmu 2008
28 Julai	Seminar Negara Zikir Majlis Ilmu 2008 Majlis Santap sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-62 tahun anjuran ABDB
29 Julai	Majlis Penganugerahan Lot-Lot Tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Lambak Kanan dan Kampong Mentiri serta anak-anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Tungku (Katok A) dan Kampong Mata-Mata (Katok B) Majlis Istiadat Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam
30 Julai	Sambutan Israk Mikraj

Diterbitkan bersama oleh Bahagian Perhubungan Awam & Bahagian Berita Inggeris dan Media IT

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Dicetak oleh Brunei Press Sdn. Bhd.

Tel: 2456170 Faks: 2451463